

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [ SEREMBAN ]**  
**TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN LOKE SIEW FOOK [ SEREMBAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan hasil cukai daripada kelulusan untuk cabutan khas nombor ramalan bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 dan ke manakah hasil cukai ini disalurkan.

**JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah hasil melalui kutipan cukai daripada kelulusan untuk Cabutan Khas Nombor Ramalan bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Kutipan Cukai Cabutan Khas (RM)</b>
<b>2019</b>	113.29 Juta
<b>2020</b>	72.53 Juta
<b>Sehingga September 2021</b>	36.88 Juta

2. Hasil yang diperolehi daripada cabutan khas ini seterusnya akan disalurkan kepada Akaun Amanah Sumber Khas Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.